

THE ESTABLISHMENT OF CHARACTERISTICS FOR A SHARIA-COMPLIANT CINEMA BASED ON THE PRINCIPLES OF AL-KULLIYYAT AL-KHAMS

PEMBENTUKAN CIRI-CIRI PANGGUNG WAYANG PATUH SYARIAH BERDASARKAN PRINSIP AL-KULLIYYAT AL-KHAMS

Muhammad Afifi Azaharⁱ & Mohammad Zaini Yahayaⁱⁱ

ⁱ (*Corresponding author*). Pelajar Sarjana, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). P125768@siswa.ukm.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). zainiyahya@ukm.edu.my

Abstract	<p><i>In recent times, the increasing social issues among the Malaysian people that occur in cinemas are being reported more frequently. Many parties, especially religious leaders, have started to speak up and offer criticism regarding the issue to be resolved promptly. This issue is caused by the absence of Sharia-compliant features in the cinemas. The question is, what are the elements of Sharia compliance in cinemas, and how can these elements be established? The objective of this article is to analyze the characteristics of Sharia-compliant theaters based on the principles of al-kulliyat al-khams. The data collection for this qualitative study will be conducted through document analysis of books, theses, and journal articles. The analysis will be descriptive in nature. This study finds that the establishment of Sharia-compliant characteristics in cinemas can be built upon the principles of al-kulliyat al-khams. These characteristics emphasize the elements of religious preservation, preservation of life, preservation of lineage, preservation of intellect, and preservation of wealth.</i></p> <p><i>Keywords: Cinema, Stage, Maqasid, Syariah, al-Kulliyat al-Khams.</i></p>
Abstrak	<p><i>Dewasa ini, peningkatan masalah sosial dalam kalangan rakyat Malaysia yang berlaku di panggung wayang semakin banyak dilaporkan. Ramai pihak terutamanya para agamawan mula bersuara memberi kritikan terhadap isu tersebut agar segera diselesaikan. Permasalahan ini disebabkan oleh ketiadaan ciri-ciri pematuhan syariah di panggung wayang. Persoalannya, apakah elemen-elemen pematuhan syariah di panggung wayang dan bagaimanakah cara untuk membentuk elemen-elemen tersebut? Matlamat artikel ini adalah untuk menganalisis ciri-ciri panggung wayang patuh syariah berdasarkan prinsip al-kulliyat al-khams. Pengumpulan data bagi kajian kualitatif ini adalah melalui analisis dokumen ke atas kitab-kitab, tesis, dan artikel jurnal. Penganalisan pula adalah secara deskriptif. Kajian ini mendapati bahawa pembentukan ciri-ciri pematuhan syariah di panggung wayang dapat dibina berdasarkan prinsip al-kulliyat al-khams. Ciri-ciri tersebut menekankan kepada elemen-elemen penjagaan agama, penjagaan nyawa, penjagaan keturunan, penjagaan akal dan penjagaan harta.</i></p> <p><i>Kata Kunci: Panggung, Wayang, Maqasid, Syariah, al-Kulliyat al-Khams.</i></p>

PENDAHULUAN

Panggung wayang gambar atau singkatannya pawagam sudah tidak asing lagi bagi masyarakat di Malaysia pada hari ini. Panggung wayang adalah tempat hiburan di mana penerbitan filem-filem baharu akan terlebih dahulu dipaparkan di tempat tersebut sebelum disiarkan di platform yang lain. Ini merupakan salah satu sebab yang menjadi daya tarikan kepada masyarakat agar berkunjung ke panggung wayang selain dari tempatnya yang selesa, berhawa dingin, skrin layar yang besar, sistem suara yang kuat dan lain-lain yang memberikan kepuasan maksima kepada para pengunjung.

Tujuan masyarakat pergi ke panggung wayang adalah untuk berhibur dan meluangkan masa bersama keluarga atau rakan-rakan. Ini kerana menurut Ubong Imang (2015) aktiviti kekeluargaan seperti menonton filem di panggung wayang dapat mengeratkan hubungan antara keluarga serta dapat menenangkan jiwa dan menghilangkan tekanan di tempat kerja atau belajar.

Di Malaysia, terdapat 12 syarikat panggung wayang (Luqman Zakaria, 2022). Antaranya Golden Screen Cinemas (GSC), TGV Cinemas, MBO Cinemas, Paragon Cinemas, Superstar Cinema, Lotus Five Star Cinema (LFS), One Cinemas, Mmcineplexes, Grand Cineplex, Amerin Cineplex, Dadi Cinema, Bona Cinemas dan TSR Cinemax. Daripada 12 syarikat panggung wayang tersebut, tiga daripadanya merupakan syarikat gergasi dan sangat dikenali oleh masyarakat di Malaysia iaitu GSC, TGV Cinemas, dan MBO Cinemas. Tiga syarikat ini memiliki bilangan dewan yang banyak dan unik. Mereka menyediakan pelbagai jenis dewan dengan skrin yang besar, tempat duduk yang istimewa yang berbagai jenis, dan sistem suara yang kuat untuk memenuhi cita rasa di masyarakat dan memberi kepuasan maksimum kepada mereka ketika menonton filem (Luqman Zakaria, 2022).

Walau bagaimanapun, terdapat banyak kritikan terhadap panggung wayang dalam kalangan para agamawan dan sarjana Islam. Kritikan ini disebabkan ketiadaan elemen-elemen patuh syariah di panggung wayang yang melibatkan aspek pengurusan, prasarana dan kandungan filem yang tidak mengikut piawaian syariat, sedangkan majoriti penduduk di Malaysia adalah beragama Islam (Mohd Azhar Abdullah et al., 2021). Oleh itu keperluan terhadap wujudnya panggung wayang patuh syariah pada hari ini dilihat menjadi satu keperluan buat negara Malaysia khususnya bagi menjaga agama dan umat Islam daripada berlakunya maksiat secara terbuka ketika berhibur di panggung wayang.

KONSEP PANGGUNG WAYANG PATUH SYARIAH

Panggung wayang gambar, disingkatkan menjadi pawagam atau bioskop (Kamus Dewan, 2005). Ia merupakan sebuah tempat berupa bangunan auditorium di mana orang ramai boleh menonton filem yang ditayangkan menggunakan projektor filem yang memancarkan wayang tersebut ke atas skrin tayangan di bahagian hadapan auditorium (Kamus Dewan, 2005). Singkatan "pawagam" kerap dipakai dalam media yang mengiklankan tayangan filem-filem ini. Ia diperkenal dan dipopularkan oleh P. Ramlee yang merupakan pelakon, pengarah dan pembuat filem tersohor Malaysia (Nick Deocampo, 2017).

Patuh bermaksud menurut perintah, peraturan, hukum, taat serta tidak membantah (Kamus Dewan, 2005). Ia juga bererti tidak membantah sebarang suruhan atau perintah. Seterusnya, syariah pula merujuk kepada segala hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT dan mesti dipatuhi oleh segenap masyarakat. Ia merangkumi hubungan manusia dengan Allah SWT dan hubungan sesama manusia berasaskan dalil-dalil utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah (Hasbi Ashidqi, t.t). Justeru, syariah ialah undang-undang atau ketetapan-ketetapan oleh Allah SWT kepada hambanya bagi menjaga hubungan sesama manusia dan hubungan dengan Tuhan di mana tujuannya adalah untuk mendapatkan kesejahteraan serta kedamaian di dunia dan di akhirat.

Oleh itu, panggung wayang patuh syariah panggung wayang yang memiliki ciri-ciri yang memenuhi segala piawaian syarak secara total dalam pelaksanaannya berpandukan hukum dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT menerusi al-Quran dan al-Sunnah bagi mencapai keredhaan Allah SWT ketika berhibur menonton filem di panggung wayang.

PRINSIP AL-KULLIYYAT AL-KHAMS

Al-Kulliyat al-khams adalah salah satu perbahasan dalam maqasid syariah yang bertujuan untuk menjaga kemaslahatan manusia secara menyeluruh. Maqasid syariah sebagai mana yang diungkapkan oleh Ahmad al-Raysuniyy (1992; 1999) adalah:

{الغايات التي وضعت الشريعة لأجل تحقيقها لمصلحة العباد}

Maksudnya: "Tujuan-tujuan yang menjadikan peraturan syariah itu ditetapkan supaya ia direalisasikan untuk kemaslahatan manusia."

Penjelasan Ahmad al-Raysuniyy (2004) di atas menunjukkan bahawa kemaslahatan manusia sentiasa menjadi matlamat syariah di sebalik pensyariatan hukum. Ini kerana ketaatan manusia kepada paraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT tidak memberikan sebarang kebaikan atau kesan kepada-Nya, sebaliknya ketaatan tersebut kembali memberi kebaikan kepada hamba itu sendiri.

Para ulama bersepakat bahawa hikmah pensyariatan hukum-hakam dalam agama tidak boleh lari daripada untuk menjaga *al-kulliyat al-khams* atau lima prinsip yang dibahaskan dalam maqasid syariah (al-Nahlawiyy, 2007). Lima prinsip tersebut terdiri daripada penjagaan agama, penjagaan nyawa, penjagaan nasab, penjagaan akal, dan penjagaan harta (al-Nahlawiyy, 2007; al-Raysuniyy, 1992).

Terdapat banyak dalil-dalil daripada al-Quran serta hadith yang menetapkan peraturan-peraturan serta hukuman-hukuman ke atas manusia yang mana perkara tersebut sentiasa berhubung dengan prinsip *al-kulliyat al-khams* bagi mencapai kemaslahatan manusia sejagat (al-Nahlawiyy, 2007).

Penjagaan Agama (*Hifz al-Din*)

Allah SWT mensyariatkan peperangan terhadap orang-orang kafir yang memusuhi agama Islam bagi mempertahankan agama yang suci ini. Allah SWT berfirman:

﴿وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقْتُلُونَكُم وَلَا تَعْتَدُوا ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ﴾

Maksudnya: "Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan peperangan); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang menceroboh." (al-Quran. al-Baqarah: 190)

Sekiranya umat Islam disuruh sabar dan tidak disyariatkan peperangan, maka sudah pasti orang-orang kafir telah membunuh orang-orang Islam secara sesuka hati sekali gus melenyapkan agama ini. Pensyariatan peperangan tidak lain tidak bukan adalah untuk menjaga agama Islam daripada dihancurkan oleh orang-orang yang memusuhi agama ini (al-Munajjat, 1420H). Allah SWT turut menjelaskan bahawa Dia tidak redha terhadap agama lain selain daripada Islam di atas muka bumi. Hal ini dibukti melalui al-Quran:

﴿إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam" (al-Quran. Ali Imran:19).

Tambahan pula, syarat utama yang melayakkan manusia dimasukkan ke syurga hendaklah beragama Islam (Misnawi & Mohamad Farah, 2020).

Penjagaan Nyawa (*Hifz al-Nafs*)

Allah SWT mengharamkan manusia membunuh diri atau membunuh orang lain dengan sengaja. Allah SWT berfirman:

﴿وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ ۗ وَمَنْ قُتِلَ مَظْلُومًا فَقَدْ جَعَلْنَا لَوْلِيَّهِ سُلْطٰنًا﴾

Maksudnya: *“Dan janganlah kamu membunuh diri seseorang manusia yang diharamkan oleh Allah membunuhnya kecuali dengan alasan yang benar. Dan sesiapa yang dibunuh secara zalim, maka sesungguhnya Kami telah menjadikan warisannya berkuasa menuntut balas.”* (al-Quran. al-Isra': 33)

Dalam ayat tersebut, Allah SWT mensyariatkan *qisas* dalam Islam agar manusia atau pihak keluarga yang dizalimi boleh menuntut keadilan terhadap orang yang berbuat zalim ke atas keluarga mereka dengan melakukan perbuatan yang sama iaitu nyawa di balas dengan nyawa. Firman Allah SWT dalam al-Quran:

﴿يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلَى ۗ بِالْحُرِّ بِالْحُرِّ وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ وَالْأُنثَىٰ بِالْأُنثَىٰ﴾

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan kamu menjalankan hukuman ‘Qisas’ (balasan yang seimbang) dalam perkara orang-orang yang mati dibunuh iaitu: orang merdeka dengan orang merdeka, dan hamba dengan hamba, dan perempuan dengan perempuan.”* (al-Quran. al-Baqarah: 178).

Pensyariatan *qisas* ini sebenarnya adalah bagi meraikan kemaslahatan manusia apabila mereka boleh mendapatkan kembali keadilan yang setimpal.

Penjagaan Keturunan (*Hifz al-Nasab*)

Allah SWT mensyariatkan perkahwinan kepada manusia melalui surah al-Rum ayat ke-21 bagi memelihara keturunan manusia. Allah berfirman:

﴿وَمِنْ ءَايَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً﴾

Maksudnya: *“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan.”* (al-Quran. Al-Rum: 21)

Rasulullah SAW juga turut berbangga terhadap umatnya yang berkahwin dan mempunyai anak yang ramai. Sabda Nabi SAW:

{تَزَوَّجُوا الْوَدُودَ الْوَلُودَ فَإِنِّي مُكَاتِّرٌ بِكُمْ الْأُمَمَ}

Maksudnya: *“Kahwinilah kalian akan wanita yang penyayang lagi subur, kerana aku berbangga dengan kalian yang meramaikan umatku.”* (Hadith. Abu Dawud. 2050)

Di samping itu, antara hikmah atau tujuan pensyariatan perkahwinan yang lain adalah untuk menjaga kemaluan daripada menggunakannya atas jalan yang salah. Terdapat sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Mas'ud yang menggalakkan manusia berkahwin khususnya golongan muda kerana perkahwinan dapat memelihara kehormatan manusia. Sabda Nabi SAW:

{ يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ، مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ، فَإِنَّهُ أَغْضُ لِلْبَصْرِ، وَأَخْصَنُ لِلْفَرْجِ، وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ؛ فَإِنَّهُ لَهُ وَجَاءٌ }

Maksudnya: *“Wahai para pemuda! Sesiapa di antara kalian yang mampu (pembiayaan) berkahwin, maka bernikahlah. Kerana nikah itu dapat menundukkan mata dan memelihara faraj (kelamin). Dan sesiapa yang belum mampu, maka hendaklah berpuasa kerana puasa itu dapat menjadi perisai baginya (dalam membendung syahwat)”* (Hadith. Muslim. 1400)

Hadith di atas menjelaskan matlamat berkahwin adalah untuk menundukkan pandangan dan menjaga kelamin agar tidak melakukan maksiat yang diharamkan dalam agama (Itr, 1998). Dalam masa yang sama, Allah SWT mengharamkan zina dalam surah al-Isra':

﴿وَلَا تَقْرُبُوا الزَّانِيَ إِنَّمَا كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا﴾

Maksudnya: “Dan janganlah kalian mendekati zina karena zina itu tindakan keji dan jalan yang amat buruk” (al-Quran. al-Isra’: 32).

Penzinaan meninggalkan kesan yang buruk. Ini kerana perbuatan zina tersebut membawa kerosakan yang besar kepada pelakunya bahkan memburukkan keturunan mereka. Malah Allah SWT sendiri menetapkan hukuman yang berat ke atas pelaku zina dengan sebatan 100 kali. Firman Allah SWT:

﴿الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ﴾

Maksudnya: “Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat” (al-Quran. al-Nur: 2).

Dalam hadith yang diriwayatkan oleh ‘Ubadah bin Samit pula memperincikan lagi hukuman tersebut (‘Audah, 2006).

{ التَّيِّبُ جُلْدُ مِائَةٍ، ثُمَّ رَجْمٌ بِالْحِجَارَةِ، وَالْبِكْرُ جُلْدُ مِائَةٍ، ثُمَّ نَفْيُ سَنَةٍ }

Maksudnya: “Hukuman bagi seseorang yang telah menikah adalah disebat 100 kali kemudian direjam dengan batu, manakala bagi yang belum menikah diberi hukuman sebatan 100 kali dan dibuang negeri selama setahun” (Hadith. Muslim. 1690)

Pensyariatian perkahwinan dan pengharaman zina serta hukuman-hukuman yang ditetapkan dalam syariat menjelaskan bahawa agama Islam amat menjaga kehormatan manusia serta keturunan mereka.

Penjagaan Akal (*Hifz al-‘Aql*)

Allah SWT memberi kelebihan kepada manusia berbanding makhluk-makhluk yang lain kerana diberikan akal untuk berfikir. Dengan akal, seseorang mampu berfikir dan meneroka perkara-perkara baharu untuk kepentingan manusia itu sendiri. Oleh kerana akal terlalu berharga, maka Allah SWT melarang manusia merosakkan akal mereka. Justeru, pengharaman arak disyariatkan dalam Islam melalui surah al-Maidah:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ﴾

Maksudnya: : “Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.” (al-Quran. Al-Maidah: 90)

Rasulullah SAW menerangkan lagi bahawa segala bahan-bahan yang boleh merosakkan akal manusia juga turut diharamkan dalam Islam. Baginda bersabda:

{ كُلُّ شَرَابٍ أَسْكِرَ فَهُوَ حَرَامٌ }

Maksudnya: “Segala minuman yang memabukkan adalah haram” (Hadith. al-Bukhariyy. 242)

Oleh itu, para ulama menjadikan hadith di atas sebagai qias sebagai sandaran ke atas hukum pengharaman bagi masalah-masalah baharu yang boleh merosakkan akal manusia seperti nabiz, air tuak, alkohol, dadah, filem-filem negatif dan lain-lain.

Penjagaan Harta (*Hifz al-Mal*)

Maqasid syariah menekankan aspek penjagaan harta. Harta haruslah diperoleh dan digunakannya di atas jalan yang halal kerana ia akan menjadi darah daging seseorang

melalui makanan yang dibeli. Oleh itu, Allah SWT mengharamkan riba dan rasuah. Hal ini dibuktikan melalui surah al-Baqarah ayat ke-275:

﴿وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا﴾

Maksudnya: "Allah SWT telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba" (al-Quran. al-Baqarah: 275)

Terdapat sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad berkenaan dosa memperoleh harta dengan cara riba:

{ دِرْهَمٌ رِبَاً يَأْكُلُهُ الرَّجُلُ وَهُوَ يَعْلَمُ، أَشَدُّ مِنْ سِتَّةٍ وَثَلَاثِينَ زَنِيَةً }

Maksudnya: "Satu dirham riba yang dimakan oleh seseorang sedangkan dia mengetahuinya, adalah lebih dahsyat kesalahannya daripada 36 kali berzina." (Hadith. Ahmad. 21957)

Hadith di atas menggambarkan betapa besarnya dosa bagi kesalahan memperoleh atau memakan harta riba yang diharamkan dalam Islam. Hal ini kerana terdapat banyak kesan buruk daripada pengamalan riba serta rasuah. Antaranya hidup tidak berkat, akan disiksa oleh Allah SWT setelah meninggal dunia, tidak mendapat syafaat Rasulullah SAW dan lain-lain.

Jelaslah bahawa pengharaman riba dan rasuah adalah untuk menjaga kemaslahatan manusia itu sendiri dan bukan kerana kepentingan Allah SWT. Oleh itu, manusia hendaklah menjaga harta mereka dengan memperolehnya dengan cara yang halal berpandukan syariat Islam agar mendapat kebaikan di dunia dan di akhir.

HIBURAN DIHARUSKAN DALAM ISLAM

Berhibur merupakan fitrah semulajadi manusia dan merupakan suatu perkara yang disenangi oleh naluri insan. Hornby (2010) mendefinisikan hiburan adalah perasaan seseorang apabila terdapat sesuatu yang lucu atau menghiburkan. Menurut Halipah Hamzah (2020) apa sahaja perkara yang bertujuan menghiburkan hati adalah hiburan sama ada melibatkan tingkah laku, ucapan, pakaian, makanan atau minuman. Oleh itu pusat panggung wayang juga merupakan salah satu bentuk hiburan buat seluruh manusia kerana tujuannya adalah untuk menghiburkan hati, membentuk pemikiran dan inovasi serta mententeramkan jiwa.

Islam tidak menghalang umatnya berhibur, namun hiburan di sisi Islam perlu disuluh dan dipandu mengikut nilai-nilai murni yang dibawa oleh Islam. Islam merupakan sebuah agama syumul yang meliputi segenap aspek. Islam membenarkan penganutnya berhibur dan berseronok, selagi mana perkara tersebut tidak melampaui batas-batas syarak (Luqman Hakeem Frank Wilkins et al., 2019). Keinginan untuk berhibur dan cinta kepada keindahan serta kecantikan merupakan fitrah insani yang telah dianugerahkan oleh Allah SWT kepada hamba-hambanya (Luqman Tirmizi, 2019).

Terdapat sebuah hadith di mana salah seorang sahabat Rasulullah SAW bernama Hanzalah RA yang merasa takut dirinya telah menjadi munafiq. Ini kerana beliau berasa seolah-olah lalai daripada mengingati Allah SWT disebabkan berhibur bersama keluarganya, sedangkan sebelumnya beliau telah bermuhasabah dalam majlis bersama Nabi SAW.

{ كُنَّا عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَوَعظَنَا، فَذَكَرَ النَّارَ، قَالَ: ثُمَّ جِئْتُ إِلَى الْبَيْتِ فَصَاحَكْتُ الصَّبِيَّانَ وَلَا عَبْتُ الْمَرْأَةَ، قَالَ: فَخَرَجْتُ فَلَقَيْتُ أَبَا بَكْرٍ فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لَهُ، فَقَالَ: وَأَنَا قَدْ فَعَلْتُ مِثْلَ مَا تَذَكَّرُ، فَلَقِينَا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، نَأْفَقُ حَنْظَلَةَ فَقَالَ: مَهْ فَحَدَّثْتُهُ بِالْحَدِيثِ، فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ: وَأَنَا قَدْ فَعَلْتُ مِثْلَ مَا فَعَلَ، فَقَالَ: يَا حَنْظَلَةَ سَاعَةً وَسَاعَةً، وَلَوْ كَانَتْ تَكُونُ فُلُوبِكُمْ كَمَا تَكُونُ عِنْدَ الذِّكْرِ، لَصَافَحْتَكُمْ الْمَلَائِكَةُ، حَتَّى تُسَلِّمَ عَلَيْكُمْ فِي الطَّرِيقِ }

Maksudnya: “Ketika kami berada di sisi Rasulullah SAW, Baginda selalu menasihatkan kami dan mengingatkan tentang neraka. Hanzhalah berkata: “Namun ketika aku sudah kembali ke rumah, aku tertawa bersama anak-anakku dan bermain-main bersama istriku”. Hanzhalah berkata lagi, “maka aku pun keluar dan bertemu dengan Abu Bakar, lalu aku menceritakan kebiasaan aktivitiku kepadanya”. Abu Bakar menjawab: “Demikian juga saya biasa melakukan hal itu”. Lalu kami bertemu dengan Rasulullah, maka aku berkata, “Ya Rasulullah, saya telah munafik! Baginda bertanya: “Kenapa demikian wahai Hanzhalah?” aku pun menceritakan kebiasaan aktivitiku pada Baginda, lalu Baginda bersabda, “Wahai Hanzalah! Ada masa untuk urusan keduniaan, dan ada masa untuk urusan ibadah. Dan jika hati kamu tetap sama seperti kamu sedang mengingati Allah SWT, maka para malaikat akan bersalam denganmu bahkan mereka juga akan memberi salam kepadamu dipertengahan jalan” (Hadith. Muslim. 2750).

Imam Nawawi (2021) mensyarahkan hadith di atas bahawa umat Islam tidak diperintah untuk beribadah sepanjang masa. Hal ini dapat dilihat melalui peristiwa Hanzalah RA tersebut yang merasa risau dirinya telah berlaku munafiq kerana ‘lalai’ daripada mengingati Allah SWT, kemudian Rasulullah SAW menjelaskan bahawa terdapat masa diperuntukkan untuk beribadah, dan terkadang perlu juga diperuntukkan masa untuk kehidupan dunia dan berhibur bersama keluarga. Keharusan dalam berhibur ini adalah bersifat umum maka merangkumi hiburan di panggung wayang. Justeru itu, panggung wayang seharusnya diberi perhatian dan perlu dibangunkan serta diurus secara islamik supaya pusat hiburan ini dapat bergerak berlandaskan syariat Islam dan selamat dari segala kemaksiatan.

PERMASALAHAN PANGGUNG WAYANG

Terdapat beberapa isu atau permasalahan berpunca daripada pusat hiburan panggung wayang yang tidak berlandaskan syariat Islam. Permasalahan tersebut boleh dibahagikan kepada tiga aspek:

Aspek Prasarana

Umumnya, penyusunan kerusi dalam panggung wayang adalah secara rapat atau bercantum. Selain itu, terdapat juga pusat panggung wayang yang menawarkan kerusi ‘couple seat’ untuk para pengunjung dan hal ini mendapat kecaman daripada mantan Mufti Perak. Beliau menegaskan bahawa “panggung wayang itu sendiri sudah maksiat, apatah lagi duduk di kerusi bersama itu menggalakkan orang untuk buat maksiat di dalam panggung wayang” (Wan Samsul Amly, 2015).

Menurut laporan Roslan Bian (2012), terdapat banyak aduan daripada masyarakat terutama ibu bapa yang membawa anak-anak mereka menonton filem di panggung wayang, namun malangnya mereka terganggu kerana terdapat segelintir pasangan lelaki dan perempuan “berlakon” aksi lucu atau tidak senonoh dalam panggung wayang ketika filem sedang disiarkan. Antara faktor yang mendorong mereka melakukan hal yang demikian adalah disebabkan keadaan yang gelap (Syarifah Aima, 2021) di panggung wayang dan tiada penjarakan antara tempat duduk lelaki dan wanita (Ainul Bashirah et al., 2012).

Abdul Razak et. al (2013) pula menjadikan pusat panggung wayang sebagai sumber rujukan terhadap pengetahuan seksual dalam kajiannya berkaitan isu seksual dalam kalangan pelajar sekolah.

Oleh itu, aspek prasarana dalam panggung wayang yang tidak mementingkan soal percampuran antara lelaki dan wanita adalah salah satu punca kepada berlakunya maksiat di tempat tersebut, sedangkan hal ini bercanggah dengan ketetapan oleh Allah SWT dalam surah al-Isra’:

﴿وَلَا تَقْرُبُوا الزَّيْنَىٰ ۖ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا﴾

Maksudnya: “Janganlah kalian mendekati zina”. (al-Quran. Al-Isra’: 32)

Ibn Kathir (1419H) dalam tafsirnya menjelaskan bahawa Allah SWT melarang para hamba-Nya daripada melakukan zina dan juga perkara yang membawa dekat kepada zina. Justeru hal ini sinonim dengan keadaan prasarana dalam panggung wayang yang membenarkan percampuran antara jantina secara bebas dan khalwat di tempat gelap.

Aspek Kandungan Filem

Ramai di kalangan pembikin filem hanya melihat kepada soal tarikan dan keuntungan duniawi sahaja dalam penghasilan filem mereka sehingga sanggup memasukkan adegan-adegan yang berunsur lucu, pelacuran, mengenenepikan soal akidah, keganasan, pembunuhan, dan sebagainya (Hajar Opir et al., 2015; 2020; Abd Razak et al., 2016). Siti Aisyah et al. (2017) menjelaskan bahawa setiap genre filem memainkan peranan yang berbeza dalam mencorak personaliti penonton dan masyarakat. Oleh itu, filem-filem yang mempunyai unsur-unsur yang tidak baik tersebut, boleh dianggap bahaya kerana ia boleh mempengaruhi seseorang untuk melakukan kelakuan negatif tersebut dalam kehidupan yang nyata khususnya oleh generasi muda yang sifatnya suka mencuba perkara baharu dan mudah terpengaruh dengan keseronokan atas dorongan nafsu mereka (Nor Najwa Solehah et al., 2019).

Terbaru, melalui laporan media akhbar Malaysikini (2023), bekas Timbalan Menteri Agama iaitu Datuk Marzuk Shaary mengecam sebuah filem yang bertajuk "Pulau" yang telah ditayangkan pada 9 Mac 2023 lalu. Beliau mendakwa bahawa filem tersebut mengandungi babak lucu, pakaian menjolok mata dan pergaulan bebas yang keterlaluan di sebuah pulau. Lebih menyedihkan lagi, filem ini dibarisi oleh pelakon-pelakon Melayu yang beragama Islam. Menurut akhbar Berita Harian Online (2023) filem ini telah mendapat kelulusan untuk ditayangkan di 134 buah panggung wayang dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat Malaysia dengan kutipan sebanyak 1.2 juta dalam tempoh empat hari tayangan sahaja (Serimah Mohd Sallehuddin, 2023). Hal ini sebenarnya menjadi salah satu punca keruntuhan akhlak dan masalah sosial dalam kalangan masyarakat, seterusnya menampakkan bahawa pihak yang terlibat dalam meluluskan filem seperti ini, tidak mengambil berat soal pergaulan bebas dan maksiat secara terbuka.

Kesimpulannya, aspek kandungan filem yang mengandungi babak lucu, pergaulan bebas, akhlak buruk, kata-kata kesat, penghinaan agama, keganasan, pembunuhan dan sebagainya telah menyebabkan berlakunya keruntuhan akhlak dan kerosakan generasi, terumanya golongan muda yang mudah terpengaruh dengan aktiviti negatif (Dwiyun Evi Yolanda, 2020). Ini kerana sesebuah filem boleh mempengaruhi kelakuan dan tindakan seseorang individu (Siti Aishah et al., 2017).

Aspek Pengurusan

Waktu tayangan filem di panggung wayang memainkan peranan penting dalam aspek menjaga agama. Ini kerana waktu tayangan yang bertepatan atau hampir dengan masuknya waktu solat boleh menyebabkan para penonton meninggalkan solat dengan sengaja terutamanya bagi waktu solat yang pendek seperti asar dan maghrib. Hal ini sebenarnya telah mendapat kritikan oleh banyak pihak termasuk pengarah filem sendiri iaitu Ahmad Idham ke atas pemilik pawagam yang tidak menghormati waktu solat orang Islam (Feride Hikmet Atak, 2013). Menurutnya, waktu tayangan filem adalah di bawah tanggungjawab dan pengurusan pihak pemilik panggung wayang.

Menurut Buerah Tunggak et al. (2015) menyatakan bahawa pusat panggung wayang menjadi tempat lepak pelajar sekolah yang kerap ponteng kelas. Situasi ini sebenarnya menjelaskan bahawa tiada pemantauan daripada pihak pengurusan panggung wayang terhadap pelajar sekolah ketika sesi persekolahan.

Selain itu, melalui laporan sidang media akhbar Malaysiakini (2016), terdapat syarikat panggung wayang yang terkenal di Malaysia menjual minuman arak kepada para pengunjung bagi menarik perhatian orang ramai berkunjung ke panggung wayang mereka. Pihak syarikat ini memberi jaminan bahawa mereka hanya menjual arak tersebut kepada orang bukan Islam sahaja dan tidak menjualnya kepada mereka yang di bawah umur.

Perkara ini sebenarnya akan memberi kesan buruk kepada para pengunjung yang lain kerana peminum arak yang mabuk akan melakukan tindakan di luar kawalannya di panggung wayang.

PENGAPLIKASIAN PRINSIP AL-KULLIYYAT AL-KHAMS DALAM MEMBENTUK CIRI-CIRI PANGGUNG WAYANG PATUH SYARIAH

Umumnya, pembentukan ciri-ciri panggung wayang patuh syariah berdasarkan prinsip *al-kulliyat al-khams* ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu pengurusan panggung wayang dan kandungan filem.

Pengurusan Panggung Wayang

1. Penjagaan Agama (*Hifz al-Din*)

Pertama, pihak pengurus panggung wayang patuh syariah hendaklah mementingkan aspek penjagaan agama khusus berkaitan waktu tayangan filem. Melalui permasalahan yang berlaku, panggung wayang yang sedia ada pada masa kini menyiarkan filem ketika waktu solat yang pendek waktunya iaitu antara asar dan maghrib serta maghrib dan isyak (Feride Hikmet Atak, 2013). Akibatnya para penonton terutamanya orang Islam akan meninggalkan solat asar atau maghrib dengan sengaja. Malah terdapat segelintir masyarakat yang mengambil mudah akan masalah ini kerana solat yang ditinggalkan itu boleh diqada semula setelah tayangan filem selesai.

Oleh itu, pihak pengurus panggung wayang patuh syariah hendaklah peka terhadap penjagaan waktu tayangan filem agar tidak bertindih dengan waktu solat yang pendek seperti asar dan maghrib. Pihak pengurus perlu menyiarkan tayangan filem sekira-kira 20 minit setelah masuk waktu solat asar atau maghrib sebagai memberi ruang kepada orang Islam menunaikan solat terlebih dahulu.

2. Penjagaan Diri (*Hifz al-Nafs*)

Menurut Buerah Tunggak et al. (2015), terdapat segelintir pelajar sekolah yang ponteng sekolah ketika waktu sesi pembelajaran di panggung wayang dengan pakaian sekolah. Perkara ini menunjukkan bahawa pihak pengurus panggung wayang hanya mengejar keuntungan dengan membenarkan pelajar sekolah tersebut masuk ketika sesi pembelajaran. Bagi membendung masalah ini, pihak pengurus panggung wayang patuh syariah hendaklah mengambil berat berkenaan isu ponteng kelas dalam kalangan pelajar sekolah. Pihak pengurus perlu menyediakan peraturan yang tidak membenarkan kepada pelajar sekolah masuk ke panggung wayang patuh syariah ketika sesi pembelajaran di sekolah. Malah, pakaian sekolah juga tidak dibenarkan agar tidak berlaku penipuan oleh pelajar tersebut.

Kesan buruk daripada budaya hedonism seperti ponteng kelas dan melepak di panggung wayang akan merosakkan diri serta generasi muda akan datang (Shahida Hamzah, 2021).

3. Penjagaan Keturunan Dan Maruah (*Hifz al-Nasab atau al-'Irdh*)

Prasarana dalam panggung wayang memainkan peranan penting dalam membina panggung wayang patuh syariah. Setelah diketahui bahawa percampuran jantina lelaki dan perempuan secara bebas dalam keadaan gelap adalah faktor berlakunya banyak maksiat di merata tempat (Syarifah Aima, 2021; Ainul Bashirah et al., 2012) termasuklah panggung wayang.

Oleh itu, dalam konteks mewujudkan panggung wayang patuh syariah maka aspek yang perlu diberi perhatian adalah penjarakan kerusi, pengasingan jantina antara lelaki dan wanita serta aspek cahaya. Ketiga-tiga aspek ini amat penting bagi mengawal dan menjauhkan masyarakat daripada melakukan maksiat di pusat hiburan panggung wayang patuh syariah.

Allah SWT bukan sahaja mengharamkan zina, malah mendekati zina juga adalah haram. Hal ini jelas menunjukkan bahawa percampuran lelaki dan perempuan serta tiada

penjarakan tempat duduk antara mereka akan mengundang kepada naik syahwat seterusnya melakukan maksiat yang diharamkan.

4. Penjagaan Akal (*Hifz al-'Aql*)

Arak adalah musuh umat Islam kerana Rasulullah SAW telah menjelaskan bahawa arak merupakan minuman yang bahaya.

{ اجْتَنِبُوا الخمرَ فَإِنَّهَا أُمُّ الخبائثِ }

Maksudnya: "Jauhilah kalian akan arak kerana ia (arak tersebut) adalah ibu kepada segala kejahatan atau kerosakan" (Hadith. al-Nasa'iy. 5682).

Melalui riwayat 'Abdullah bin Abbas pula, Rasulullah SAW bersabda:

{ اجْتَنِبُوا الخمرَ؛ فَإِنَّهَا مِفْتَاحُ كُلِّ شَرٍّ }

Maksudnya: "Jauhilah kalian akan arak, kerana sesungguhnya ia adalah kunci segala kejahatan" (Hadith. Al-Hakim. 7436)

Oleh yang demikian, Allah SWT mengharamkan arak serta mengenakan hukuman kepada orang Islam yang meminumnya. Lebih menyedihkan arak atau minuman keras dibenarkan oleh salah satu syarikat panggung wayang yang terkenal di Malaysia sedangkan kesan mabuk daripada arak akan memberi ancaman kepada orang di sekeliling mereka dalam panggung wayang.

Berdasarkan kepada permasalahan tersebut, pihak panggung wayang patuh syariah hendaklah mengharamkan arak secara total di tempat mereka bagi mengelakkan perkara-perkara buruk berlaku dalam kalangan penonton. Peraturan ini mestilah dikenakan ke atas semua para pengunjunnya termasuklah orang bukan Islam. Ini bermakna orang bukan Islam juga dilarang membawa arak atau minuman keras dari luar masuk ke panggung wayang patuh syariah bagi menjaga keamanan penonton yang lain di tempat tersebut.

5. Penjagaan Harta (*Hifz al-Mal*)

Islam melarang umatnya mencari harta dengan cara yang menyalahi syarak. Penjualan arak di pusat hiburan panggung wayang tidak lain tidak bukan hanya untuk mendapatkan keuntungan semata-mata dan menarik perhatian para pengunjung tanpa melihat kesan buruk daripada arak tersebut. Rasulullah SAW bersabda:

{ لعن رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الخمرِ عشرةٌ : عاصرها، ومعتصرها، وشاربها، وحاملها، والمحمولة

إليه، وساقيةها، وبائعها، وآكل ثمنها، والمشتري لها، والمشتراة له }

Maksudnya: Rasulullah SAW melaknat sepuluh golongan yang terlibat dengan arak: "Pemerahnya (anggur untuk arak), orang yang minta diperahkan, peminumnya, pembawanya, orang yang meminta dibawa kepadanya, orang yang menuangkan arak, penjualnya, orang yang makan hasil jualannya, orang yang membelinya dan orang yang meminta dibelikan untuknya." (Hadith. al-Tirmidhiyy. 1295)

Hadith di atas menjelaskan berkenaan orang-orang yang terlibat dengan arak mendapat laknat daripada Rasulullah SAW. Umum mengetahui bahawa laknat daripada Rasulullah SAW menunjukkan bahawa perkara tersebut adalah berdosa besar dan perlu bertaubat (al-Qurtubiyy, 1996).

Dalam konteks panggung wayang patuh syariah, aspek keuntungan juga perlu diberi perhatian. Panggung wayang patuh syariah mestilah tidak terkait dengan penjualan arak atau sebarang perkara yang diharamkan dalam agama. Hal ini kerana ia melibatkan sumber gaji pekerja orang Islam dan pembayaran zakat keuntungan daripada perniagaan pusat hiburan panggung wayang patuh syariah. Perkara ini juga berkait rapat dengan aspek keberkatan harta yang penting untuk umat Islam.

Kandungan Filem

Filem adalah faktor utama yang memberi keuntungan kepada pengusaha pusat hiburan panggung wayang. Tujuan utama para penonton berkunjung ke panggung wayang adalah untuk menonton filem sambil berhibur bersama keluarga atau rakan-rakan. Setiap genre filem memainkan peranan yang berbeza dalam mencorak personaliti penonton dan masyarakat (Siti Aisyah et al., 2017). Justeru, filem yang baik atau buruk akan meninggalkan kesan kepada penontonnya.

Oleh yang demikian, pihak panggung wayang patuh syariah perlulah menapis dan menyekat filem-filem yang mempunyai unsur-unsur atau elemen-elemen yang negatif seperti penghinaan agama, syirik, babak lucu, ikhtilat bebas yang keterlaluan, pakaian menjolok mata, samseng, pembunuhan, pencurian, kata-kata kesat, pesta minum arak dan lain-lain. Penyekatan filem ini perlu diambil kira prinsip *al-kulliyat al-khams* seperti yang disebutkan di atas iaitu penjagaan agama, nyawa, keturunan, akal dan harta.

KESIMPULAN

Pembentukan ciri-ciri panggung wayang patuh syariah merupakan satu usaha yang murni dan dituntut dalam agama. Hal ini kerana ia berkaitan dengan batas hiburan yang dibenarkan dalam Islam. Selain itu, masalah sosial yang berlaku di panggung wayang yang tidak berlandaskan syariat dapat diselesaikan dengan adanya panggung wayang yang mengamalkan elemen pematuhan syariah. Prinsip *al-kulliyat al-khams* sememangnya amat sesuai dan layak dijadikan dasar kepada pembentukan ciri-ciri ini. Umumnya, panggung wayang patuh syariah menekankan kepada tiga aspek utama iaitu pengurusan, prasana dan kandungan filem.

Secara ringkasnya, ciri-ciri yang telah dibentuk menekankan lima prinsip dalam *al-kulliyat al-khams*. Yang pertama penjagaan agama. Waktu tayangan filem hendaklah tidak bertindih dengan waktu solat yang pendek seperti asar dan maghrib bagi memberi ruang kepada umat Islam mendirikan solat tersebut sebelum menonton filem. Kedua iaitu penjagaan diri. Pihak panggung wayang patuh syariah mestilah menghalang pelajar sekolah yang ponteng kelas daripada masuk ke panggung wayang ketika sesi pembelajaran kerana budaya ponteng kelas akan merosakan diri pelajar tersebut pada masa akan datang. Ketiga, penjagaan keturunan atau maruah. Pihak panggung wayang patuh syariah hendaklah membuat penjarakan kerusi serta pengasingan jantina antara lelaki dan wanita, dan juga menambah cahaya dalam dewan panggung wayang kerana yang demikian itu akan menghalang masyarakat daripada terjebak dengan kemaksiatan. Keempat, penjagaan akal. Penjualan arak mesti disekat dan dilarang membawanya sama sekali oleh para pengunjung ke panggung wayang bagi mengelakkan berlaku perkara buruk berlaku disebabkan mabuk. Kelima, penjagaan harta. Pihak panggung wayang patuh syariah juga perlu mengambil berat tentang isu halal daripada keuntungan perniagaan ini dengan tidak menjual barang-barang yang diharamkan oleh Islam sama sekali dan menyekat filem-filem yang menyalahi syarak.

Hasil kajian mendapati bahawa pembentukan ciri-ciri patuh syariah di panggung wayang ini berpotensi menjadi rujukan kepada para pengusaha atau syarikat yang ingin menjalankan industri panggung wayang berlandaskan undang-undang Islam sekali gus dapat membendung isu-isu yang berlaku di panggung wayang yang lain. Di samping itu, pembukaan pusat hiburan panggung wayang patuh syariah perlu perluaskan di seluruh negeri dalam Malaysia agar menjadi sebuah hub hiburan kepada seluruh umat Islam khususnya dan seluruh rakyat Malaysia umumnya. Untuk kajian selanjutnya, pengkaji ingin mencadangkan agar dibuat kajian berkenaan tempat yang strategik bagi pembangunan pusat hiburan panggung wayang patuh syariah. Selain itu, pemasaran serta pengiklanan pusat hiburan panggung wayang patuh syariah juga perlu dibuat kajian agar masyarakat tahu akan kewujudannya.

RUJUKAN**Buku**

- 'Audah, 'Abd al-Qadir. *Al-Tasyri' al-Jina'iyy al-Islamiyy Muqaranan Bi al-Qanun al-Wad'iyy*. Dar al-Kutub al-'Arabiyy.
- 'Itr, Nur al-Din Muhammad al-Hasaniyy. 1998. *I'lam al-Anam Syarh Bulugh al-Maram*. Damsyiq: Dar al-Farfur.
- Abu Dawud, Sulayman bin al-Ash'ath al-Sijistaniyy al-Azdiyy. 2013. *Sunan Abi Dawud*. Dar al-Fikr.
- al-Bukhariyy, Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin Mughirah. 2010. *Sahih al-Bukhariyy*. Dar al-Fikr.
- al-Munajjat, Muhammad Soleh. 1420H. *Hifz al-Din*. Al-Mawqi' al-Rasmi Li al-Syaikh Muhammad al-Munajjat.
- al-Nahlawiyy, 'Abd al-Rahman. 2007. *Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah Wa Asalibuha Fi al-Bait Wa al-Madrasah Wa al-Mujtama'*. Dar al-Fikr.
- al-Nasa'iyy, Abu Abd al-Rahman Ahmad bin Shu'aib. 2001. *Sunan al-Kubra*. Mu'assasah al-Risalah.
- al-Nawawiyy, Abi Zakaria Yahya bin Syaraf al-Nawawiyy. 2021. *Sahih Muslim Bi Sharh al-Imam al-Nawawiyy*. Dar Ibn Hazm.
- al-Qurtubiyy, Ahmad bin Umar bin Ibrahim. 1996. *Al-Mufhim Lama Asykala Min Talkhish Muslim*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- al-Raysuniyy, Ahmad. 1992. *Nazariyyah al-Maqasid 'Inda al-Imam al-Shatibiyy*. Herndon: The International Institute of Islamic Thought.
- al-Raysuniyy, Ahmad. 1999. *Al-Fikr al-Maqasidiyy Wa Qawa'iduh Wa Fawa'iduh*. al-Ribat: Jaridah al-Zaman.
- al-Tirmidhiyy, Abu Isa Muhammad bin Isa bin Surah. 2009. *Jami' al-Tirmidhiyy*. Dar al-Fikr.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. Kamus Dewan Edisi Ke-4. 2005. Dewan Bahasa Dan Puskata Malaysia.
- Hasbi Ashidqi. tt. *Filsafat Hukum Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Hornby, Albert Sidney. 2010. *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English*. Ed. 8. United Kingdom: Oxford University Press.
- Muslim, Abu al-Husayn Muslim bin Hajjaj bin Muslim al-Qurashiyy al-Naysaburiyy. 2009. *Sahih Muslim*. Dar al-Fikr.
- Nick Deocampo. 2017. *Early Cinema In Asia*. Indiana University Press.

Jurnal

- Ainul Bashirah Ismail, Zuliza Mohd Kusrin, Mat Noor Mat Zain. 2012. *Kesalahan Khalwat Dan Perbuatan Tidak Sopan Dan Hukumannya Menurut Islam*. Jurnal Hadhari, 4(2): 65-88.
- Dwiyun Evi Yolanda, Isti Mulyani, & M. Januar Ibnu Adham. 2020. *Pengaruh Generasi Muda Millenial Terhadap Karakter Interaksi Sosial Di Masyarakat*. Universitas Singaperbangsa Karawang. Academia.edu, <https://www.academia.edu/35489302>.
- Hajar Opir, Mohammed Yusof, Luqman Abdullah, Norrodzoh Hj Siren, Yusmini Md Yusoff, Wan Yusnee Abdullah. 2017. *Pembinaan Kriteria Filem Patuh Syariah Di Malaysia*. AL-ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities, 12(Special Edition): 71-91.
- Hajar Opir, Muhammed Yusof, Norrodzoh Siren, Luqman Abdullah, Wan Yusnee Abdullah. 2020. *Analisa Fatwa Berkaitan Akidah Dalam Filem di Malaysia: Sorotan 2005-2018*. Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam, 1(Special Issue): 137-172.
- Halipah Hamzah. 2020. *Entertainment and entertaining in Maqasid Syariah*. ESTEEM Journal of Social Sciences and Humanities, 4(1): 43-52.
- Misnawi & Mohamad Farah Ubaidillah. 2020. *Analisa Konsep Shahadatayn Sebagai Prinsip Utama Aqidah Islam Dalam Al-Quran*. AHSANA MEDIA: Jurnal Pemikiran, Pendidikan dan Penelitian Ke-Islaman, 6(2): 71-80.

- Mohd Azhar Abdullah & Muhammad Amiri Abdul Ghani. 2021. *Pengistilahan Malaysia Sebagai Negara Islam Rasmi: Satu Diskusi*. RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge, 2(2): 113-136.
- Nur Najwa Solehah Hasan Ashaari, Siti Norhafiza Sumadi, Nur Aqilah Salleh, Naziera Izzaty Ismail, Nurul Ain Hayati Adenan, Mohd Razimi Husin. 2019. *Masalah Pergaulan Bebas Dalam Kalangan Remaja Sekolah*. International Journal of Humanities, Management and Social Science (IJ-HuMaSS), 2(1): 38-50.
- Shahidah Hamzah, Nur Hafizah Yusoff, Fauziah Ani dan Zahrul Akmal Damin. 2021. *Kesan Hedonisme Kepada Generasi Muda: Kajian Kes Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Kampus Pagoh*. e-BANGI Journal, 18(2): 98-108.
- Siti Aisyah Hadi Munir @ A. Hadi & Muhamad Faisal Ashaari . 2017. *Kesan Filem Seram Terhadap Pegangan Agama: Suatu Tinjauan Literatur*. Al-Hikmah, 9(1): 33-48.
- Ubong Imang. 2015. *Sifat dan motivasi penonton filem dalam kalangan penonton filem di Malaysia*. Jurnal Komunikasi Borneo (JKoB) (Konvokesyen ke-17 UMS).

Seminar & Konferens

- Abd Razzak, Monika Munirah. 2016. *Pengaruh Filem Terhadap Akidah Muslim: Analisis Unsur-unsur Syirik dalam Tiga Filem Seram*. International Conference on Islamic Jurisprudence (ICIJ).
- Frank Wilkins, Luqman Hakeem; Batumalai, Pragathesh; Jasmi, Kamarul Azmi. 2019. *Media Sosial dan Dampak Positif Menurut Islam*. In: Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.), *Prosiding Seminar Abstract References Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)* pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM, 17-32.

Tesis & Disertasi

- Syahrifah Aima. 2021. *Hubungan Paparan Media Pornografi Terhadap Perilaku Seksual Pranikah Remaja Di Sma X Kota Padang Tahun 2021*. Doctoral dissertation, Universitas Andalas.

Laman Sesawang

- Feride Hikmet Atak. 2013. Ahmad Idham Tegur Pawagam Tayang Filem Waktu Maghrib. MStar. <https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2013/06/11/ahmad-idham-tegur-pawagam-tayang-filem-waktu-maghrib> (diakses pada 25 Jun 2023).
- Luqman Tirmizi. 2019. Bayan Linnas Siri Ke-197: Islam Dan Muzik. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3570-bayan-linnas-siri-ke-197-islam-dan-muzik> (diakses pada 15 Jun 2023).
- Luqman Zakaria. 2022. Senarai Terkini Panggung Wayang Di Malaysia Ada Yang Tak Pernah Dengar Pun. Laporan LZ. <https://www.luqmanzakaria.com/2022/09/senarai-pawagam-di-malaysia.html> (diakses pada 14 Jun 2023).
- Malaysiakini. 2016. GSC: Bir Di Pawagam Untuk Dewasa, Bukan Islam. <https://www.malaysiakini.com/news/339217> (diakses pada 24 Jun 2023).
- Malaysiakini. 2023. Bekas Timbalan Menteri Agama Dakwa Filem Pulau "Lucah". <https://www.malaysiakini.com/hiburan/651922> (diakses pada 22 Jun 2023).
- Wan Syamsul Amly. 2015. Couple seat: 'Hendak tengok wayang atau beromen?' - Mufti Perak. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/couple-seat-hendak-tengok-wayang-atau-beromen-mufti-perak-66583#modal> (diakses pada 14 Jun 2023).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.